

APAKAH ITU IMUNISASI?

Imunisasi adalah cara terbaik dan selamat untuk melindungi bayi anda daripada dijangkiti pelbagai penyakit yang berbahaya. Bayi yang diberi suntikan vaksin akan mempunyai antibodi yang dapat melawan jangkitan penyakit.

Vaksin kombinasi DTaP-IPV/Hib

Vaksin ini membantu mencegah 5 jenis penyakit yang sering menjangkiti bayi: **Difteria (D)**, **Tetanus (T)**, **Pertussis (aP)**, **Polio (IPV)** dan **Haemophilus influenzae type b (Hib)**.

Apakah perbezaan di antara vaksin DTwP-Hep B + Hib yang digunakan dahulu dengan vaksin DTaP-IPV/Hib sekarang?

Terdapat 2 perbezaan yang ketara iaitu:

- Vaksin wholecell pertussis (wP) berbanding vaksin acellular pertussis (aP)**
 - Vaksin dahulu diperbuat daripada *wholecell pertussis* (wP).
 - Vaksin sekarang diperbuat daripada *acellular pertussis* (aP).
 - Kedua-duanya berkesan, **TETAPI** vaksin aP adalah lebih baik kerana kesan sampingan seperti demam, kemerahan dan bengkak di tempat suntikan adalah kurang.
- Vaksin polio oral (OPV) berbanding vaksin polio suntikan (IPV)**
 - OPV yang digunakan dahulu diberi secara titisan ke dalam mulut bayi.
 - Vaksin sekarang mengandungi IPV, Hib dan DTaP yang diberi dalam satu suntikan.

Kedua-duanya berkesan, **TETAPI** vaksin IPV mempunyai kelebihan seperti:

 - Pemberian dos yang tepat kerana diberikan secara suntikan.
 - Boleh diberi walaupun bayi mengalami cirit-birit.
 - Mencegah risiko jangkitan polio disebabkan OPV (*Vaccine-Associated Paralytic Polio*)




Adakah terdapat perbezaan dalam jadual imunisasi?

Vaksin Hepatitis B akan diberikan pada 0, 1 dan 6 bulan dengan satu suntikan yang berasingan berbanding dengan jadual sekarang iaitu pada 0, 2, 3 dan 5 bulan. Keberkesanan jadual baru telah terbukti melalui beberapa kajian ^{1,2}.

Jadual imunisasi sehingga 18 bulan

Imunisasi	Umur (bulan)								
	0	1	2	3	4	5	6	12	18
BCG	■								
Hepatitis B	■	■					■		
DTaP (Diphtheria, Tetanus & Pertussis)			■	■		■			■
Hib			■	■		■			■
Polio			■	■		■			■
Measles							■		
MMR								■	

■ Dos primer ■ Sabah sahaja ■ Kombinasi 5-dalam-1



Rujukan:

- El-Sawy et. al.(1999). Long term immunogenicity and efficacy of a recombinant Hep B vaccine in Egyptian children. *East Med Health J.* 5(5): 922-32
- Greenburg D (2001). Consideration for Hep B as part as combination vaccine. *Pediatr Infect Dis. J.* 20:534-9

BM/BI/2010/300,000



Informasi mengenai

VAKSIN KOMBINASI 5-DALAM-1 (DTaP-IPV/Hib)

Bayi anda memerlukan yang terbaik. Lindungi bayi anda dengan imunisasi yang lengkap.



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

